

Perakaunan (948)

PRESTASI KESELURUHAN

Sebanyak 2751 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini pada tahun 2011. Peratusan calon yang lulus penuh mata pelajaran ini pada tahun 2011 ialah 70.71%, meningkat sebanyak 4.17% berbanding dengan 66.54% pada tahun 2010.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut.

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	6.56	7.34	8.87	12.04	11.18	14.01	10.42	4.90	4.29	3.73	16.37

RESPONS CALON

KERTAS 948/1 (PERAKAUNAN)

Komen am

Secara keseluruhan, mutu jawapan calon adalah meningkat berbanding dengan jawapan calon pada tahun 2010. Calon berjaya menjawab mengikut format yang betul dan menggunakan rumus yang betul, serta bijak memilih soalan. Min bagi kertas ini meningkat daripada 33.09 pada tahun 2010 kepada 36.51 pada tahun 2011.

Secara umumnya, kelemahan calon tahun 2011 bagi kertas ini adalah seperti yang berikut:

- (a) gagal menjawab soalan kualitatif dengan betul;
- (b) gagal menggunakan istilah yang tepat;
- (c) gagal memahami kehendak soalan atau menepati tugas yang dinyatakan dalam soalan;
- (e) gagal menyediakan analisis menegak bagi soalan wajib;
- (f) tidak menunjukkan jalan kerja yang lengkap bagi amaun yang memerlukan jalan kerja dan penghitungan;
- (g) tidak memahami maklumat tambahan yang diberikan dalam soalan;
- (h) menggunakan singkatan nama akaun seperti BSN, PSN, dan PHR bagi belanja susut nilai, peruntukan susut nilai, dan peruntukan hutang ragu; dan
- (i) tidak menjawab semua soalan yang dikehendaki.

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan dua sebab (i) aset tetap direkodkan pada kos sejarah dan (ii) aset tetap perlu disusut nilai. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang betul bagi kedua-dua soalan di bahagian ini.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan prinsip perakaunan yang terlibat bagi setiap urusan niaga yang dinyatakan dalam (i) hingga (vi). Kebanyakan calon dapat menyatakan prinsip perakaunan

yang terlibat dengan betul kecuali sebahagian kecil calon yang gagal menggunakan istilah atau terma yang tepat dalam jawapan mereka.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menyatakan bila hasil mula diiktiraf dan kaedah yang sesuai digunakan bagi setiap urus niaga yang dinyatakan dalam (i) hingga (iv). Hampir semua calon gagal menyatakan dengan tepat bila dan kaedah pengiktirafan hasil yang sesuai digunakan.

Soalan bahagian (d) menghendaki calon menyediakan (i) analisis menegak kunci kira-kira bagi dua buah syarikat yang dinyatakan, dan (ii) hitung serta berikan ulasan bagi setiap perbezaan nisbah yang dinyatakan. Hampir keseluruhan calon gagal menyediakan analisis menegak kunci kira-kira. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon dapat menghitung nisbah dengan betul dan memberikan ulasan yang tepat bagi setiap perbezaan nisbah yang ditunjukkan.

Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan (i) tiga perbezaan dalam perekodan antara pembiayaan secara overdraf dengan pembiayaan melalui pinjaman, (ii) empat bentuk pembiayaan selain overdraf dan pinjaman yang dapat meningkatkan tunai perniagaan. Kebanyakan calon gagal menjawab soalan (i) dengan tepat. Sebaliknya, calon menyatakan ciri-ciri overdraf dan ciri-ciri pinjaman daripada menyatakan perbezaan dalam perekodan. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon dapat memberikan jawapan yang tepat bagi soalan (ii), iaitu gadai janji, terbitan saham, terbitan bon, pemfaktoran, dan pembiayaan semula aset tetap.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyediakan (i) akaun perdagangan dan untung rugi, dan (ii) pula menghendaki calon menyediakan kunci kira-kira. Kebanyakan calon dapat menyediakan dengan betul akaun perdagangan dan kunci kira-kira yang dikehendaki tetapi sebahagian calon gagal menghitung jumlah jualan dan modal awal dengan tepat.

Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan kelebihan dan kelemahan perniagaan perkongsian dari aspek ekuiti. Kebanyakan calon memberi jawapan dari aspek kelebihan dan kelemahan kepada perkongsi seperti perlu berkongsi untung dan perlu membayar cukai individu. Jawapan yang dikehendaki ialah dari perspektif perniagaan seperti tiada had modal yang ditetapkan, boleh mendapatkan modal tambahan daripada setiap rakan perkongsian bagi kelebihan perniagaan perkongsian dan penentuan pembahagian untung, gaji rakan kongsi ditetapkan dalam perjanjian awal yang mungkin mendatangkan kesan kepada ekuiti perkongsian dan perkongsian akan terbuang dengan sendirinya apabila rakan kongsi menarik diri atau meninggal dunia bagi kelemahan perkongsian.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan kesan tindakan seorang rakan kongsi terhadap rakan lain untuk perkongsian. Kebanyakan calon gagal menjawab dengan betul bahagian ini kerana calon gagal mengaitkan jawapan dengan peruntukan undang-undang. Peruntukan undang-undang menyatakan sebagai agen utama kepada perkongsian, seorang rakan kongsi boleh melakukan atau mengikat perniagaan perkongsian dengan mana-mana kontrak dalam skop perniagaan.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon menyediakan (i) penyata pengasingan untung rugi, (ii) penyata modal rakan kongsi, dan catatan jurnal untuk merekodkan pengunduran rakan kongsi. Kebanyakan calon gagal menyediakan penyata pengasingan untung dengan tepat kerana calon gagal menghitung faedah atas pinjaman dan bonus dengan tepat. Kebanyakan calon juga gagal menyediakan penyata modal rakan kongsi sebaliknya calon menyediakan akaun modal. Calon dapat menunjukkan catatan jurnal tetapi gagal menghitung muhibah yang ditunjukkan dalam jurnal dengan tepat.

Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan sebab penyata aliran tunai diperlukan. Kebanyakan calon memberikan jawapan bahawa penyata aliran tunai menunjukkan bagaimana sumber diperoleh dan ke mana sumber digunakan. Tidak ramai calon yang dapat memberikan jawapan bahawa penyata aliran tunai dapat memberikan maklumat yang tidak dapat ditunjukkan oleh penyata pendapatan dan kunci kira-kira dan penyata aliran tunai membolehkan syarikat merancang pengurusan tunai syarikat.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan perbezaan antara penyata aliran dana yang berasaskan modal kerja dengan penyata aliran tunai. Kebanyakan calon hanya menyatakan aliran dana menunjukkan perubahan modal kerja manakala penyata aliran tunai menunjukkan perubahan tunai. Sebahagian kecil calon sahaja yang dapat menyatakan penyata aliran dana menunjukkan perubahan tunai pada modal kerja manakala penyata aliran tunai bermula dengan baki awal tunai dan berakhir dengan baki akhir tunai.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon (i) menyediakan penyata aliran tunai, (ii) memberikan ulasan tentang aliran tunai syarikat, dan (iii) menjelaskan bagaimana penilaian semula akan direkodkan dalam penyata aliran tunai syarikat. Kebanyakan calon dapat memberikan butiran yang tepat item pelarasan, sumber dana, dan penggunaan dana. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon gagal menyatakan terbitan saham biasa, terbitan bon, dan jualan aset tetap. Calon hanya menyatakan saham biasa, bon, dan aset tetap yang menyebabkan jawapan mereka tidak tepat. Kebanyakan calon gagal memberikan ulasan yang tepat bagi soalan (ii), iaitu syarikat mempunyai aliran tunai operasi yang positif, aliran tunai pelaburan yang negatif, dan aliran tunai pembiayaan yang positif. Bagi soalan (iii), kebanyakan calon gagal menyatakan penilaian semula aset ialah satu urusan niaga bukan tunai kerana penilaian semula aset bukan elemen dalam penyata aliran tunai.

Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan perbezaan antara akaun penamat bagi organisasi kelab dan persatuan dengan akaun penamat organisasi perniagaan biasa. Kebanyakan calon dapat menyatakan perbezaan yang dikehendaki dengan tepat.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyatakan perbezaan antara yuran modal ahli koperasi dengan yuran ahli kelab. Kebanyakan calon gagal menyatakan perbezaan yang dikehendaki, iaitu yuran modal ahli koperasi menjadi ekuiti kepada koperasi tetapi yuran ahli kelab menjadi pendapatan kepada kelab. Yuran modal akan melibatkan penentuan dividen tetapi yuran ahli kelab akan menambahkan pendapatan kelab tanpa melibatkan penentuan dividen, dan yuran modal koperasi akan dikembalikan kepada ahli setelah ahli menarik diri tetapi yuran kelab tidak boleh dikembalikan.

Soalan bahagian (c)(i) menghendaki calon menyediakan akaun perdagangan kantin, (ii) akaun pendapatan dan perbelanjaan, dan (iii) kunci kira-kira kelab. Kebanyakan calon gagal menghitung jumlah belian bagi soalan (i) dengan tepat menyebabkan jumlah jualan juga salah, belanja elektrik dan air juga gagal ditunjukkan dalam akaun perdagangan kantin manakala butiran untung kantin telah dinyatakan sebagai untung kasar. Bagi soalan (ii), calon gagal menunjukkan penghitungan yang tepat bagi yuran ahli yang dipindahkan ke akaun pendapatan dan perbelanjaan, dan bagi soalan (iii), kebanyakan calon gagal menghitung dana terkumpul awal yang ditunjukkan dalam kunci kira-kira.

Soalan 6

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan perbezaan antara penyata kewangan koperasi dengan penyata kewangan syarikat dari aspek modal dan rizab. Kebanyakan calon gagal menjelaskan perbezaan yang dikehendaki, iaitu dari aspek jenis saham, penetapan rizab, rizab berkanun dalam koperasi, dan rizab hasil dan rizab modal dalam syarikat.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menyediakan (i) akaun tergantung, (ii) penyata untung rugi, (iii) penyata pembahagian untung rugi, dan (iv) kunci kira-kira bagi koperasi. Kebanyakan calon dapat menyediakan akaun tergantung dan penyata untung rugi bagi menjawab soalan (i) dan (ii) dengan tepat kecuali penghitungan faedah debentur. Bagi soalan (iii), kebanyakan calon dapat menyediakan penyata pembahagian untung rugi tetapi tidak tepat kerana penyata pembahagian untung rugi berkaitan dengan kesilapan yang dibuat dalam soalan (ii). Kebanyakan calon dapat menyediakan kunci kira-kira yang betul bagi soalan (iv) tetapi gagal menunjukkan jumlah rizab yang betul.

Kertas 948/2 (Perakaunan)

Komen am

Jawapan calon secara keseluruhan memuaskan dan jawapan calon bagi soalan yang berbentuk kualitatif adalah yang terbaik berbanding dengan tahun sebelum ini. Jawapan calon teratur dan jelas berbanding dengan jawapan calon tahun 2010.

Secara umumnya, kelemahan calon tahun 2011 bagi kertas ini adalah seperti yang berikut:

- (a) gagal memberikan jawapan yang lengkap bagi soalan yang berbentuk kualitatif, iaitu jawapan terlalu ringkas tanpa huraian atau penjelasan;
- (b) menjawab lebih daripada tiga soalan pilihan malah hampir 30% calon menjawab 5 dan 6 soalan;
- (c) menggunakan ringkasan perkataan dalam penulisan jawapan seperti $K\Delta$ untuk merujuk kepada perkataan kos berubah;

Komen soalan demi soalan

Soalan 1

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan bagaimana pengkosan dapat membantu pengurusan melaksanakan fungsi membuat keputusan dan menilai prestasi pekerja serta memberikan contoh yang sesuai. Kebanyakan calon gagal menjawab dengan lengkap bahagian ini. Calon gagal membezakan dua fungsi yang dikehendaki yang menyebabkan contoh yang diberikan bagi setiap fungsi tidak tepat.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon menghitung (i) kos keluaran, (ii) kos prima, (iii) kos penukaran, dan (iv) kos tempoh. Kebanyakan calon dapat menghitung dengan tepat semua kos yang dikehendaki.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon membuat keputusan tentang pemilihan perisian berpandukan maklumat yang diberikan. Kebanyakan calon gagal menyatakan ciri-ciri yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan keputusan untuk membuat pilihan.

Soalan bahagian (d) menghendaki calon melengkapkan jadual yang mengandungi tatacara kawalan yang baik atau lemah dan menyatakan prinsip kawalan yang berkaitan. Kebanyakan calon dapat menjawab bahagian ini dengan tepat.

Soalan 2

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyediakan (i) penyata perkhidmatan dan (ii) penyata pendapatan dengan menggunakan kaedah pengkosan marginal. Kebanyakan calon dapat menyediakan penyata-penyata yang dikehendaki dengan lengkap dan betul. Sebahagian calon melakukan kesilapan dengan memasukkan belanja jualan dan belanja pentadbiran dalam penghitungan kos perkhidmatan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon memberikan takrif *buruh langsung* dan *buruh tak langsung* serta menamakan akaun untuk mengakaunkan amaun yang terlibat dengan kedua-dua jenis buruh. Segelintir

calon mentakrifkan *buruh langsung* dan *buruh tak langsung* dengan merujuk kepada kos menyebabkan jawapan tidak menepati kehendak soalan.

Soalan bahagian (c) menghendaki calon melakarkan satu contoh kad masa bekerja seorang tukang jahit berpandukan maklumat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat melakarkan kad masa bekerja yang lengkap.

Soalan 3

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menjelaskan (i) bagaimana amaun overhead pengeluaran ditentukan, dan (ii) menyatakan sebab mengapa amaun overhead sebenar tidak digunakan dalam lembaran kerja. Kebanyakan calon gagal menjelaskan bagaimana overhead pengeluaran ditentukan. Kebanyakan calon menyenaraikan item yang digolongkan sebagai kos overhead yang tidak dikehendaki oleh soalan.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon (i) menyediakan lembaran kos kerja, (ii) menyediakan catatan jurnal untuk merekodkan kos kerja, (iii) menghitung amaun overhead terlebih atau terkurang serap, dan (iv) menyediakan catatan jurnal untuk memindahkan amaun overhead terlebih atau terkurang serap. Kebanyakan calon berupaya menyediakan lembaran kos kerja tetapi tidak mengikut format yang betul. Kebanyakan calon gagal menyediakan catatan jurnal seperti yang dikehendaki oleh soalan (ii) dan (iv) manakala kefahaman calon tentang perbezaan antara terlebih dan terkurang serap adalah tidak jelas yang menyebabkan calon gagal menghitung dengan tepat amaun overhead terlebih dan terkurang serap.

Soalan 4

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan andaian yang perlu diambil kira dalam mengaplikasikan analisis kos-volum-untung (KVVU). Konsep KVVU yang merangkumi titik pulang modal (TPM), margin keselamatan, dan untung difahami dengan baik oleh calon. Kebanyakan calon dapat memberikan andaian yang diambil kira dalam mengaplikasikan KVVU.

Soalan bahagian (b) menghendaki calon (i) menghitung TPM dalam unit, margin keselamatan, dan untung bersih, (ii) melakarkan graf KVVU, (iii) menghitung unit jualan untuk mendapatkan untung bersih yang dinyatakan, dan (iv) menyediakan penyata pendapatan mengikut kaedah pengekoskan serapan. Kebanyakan calon dapat menghitung dengan tepat TPM, margin keselamatan, untung bersih, dan dapat melakar graf KVVU. Sebahagian calon memberikan jawapan margin keselamatan dalam bentuk peratusan dan bukannya dalam bilangan unit. Unit jualan bagi mendapatkan untung bersih dapat dihitung dengan tepat tetapi calon lemah dalam melabelkan graf yang dilakar dengan betul dan kebanyakan calon tidak membundarkan unit jualan kepada unit yang lebih tinggi (*round up*) untuk mencapai TPM.

Soalan 5

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menghitung (i) varians harga dan varians penggunaan bahan langsung, (ii) varians kadar dan varians kecekapan buruh langsung, (iv) varians perbelanjaan dan varians kecekapan overhead, (v) varians jumlah overhead, dan menyediakan (iii) akaun kerja dalam proses. Lebih 40% calon berjaya memperoleh markah penuh dalam penghitungan varians dan penyataan konsep varians memuaskan dan varians tidak memuaskan. Kebanyakan calon gagal menyediakan akaun kerja dalam proses untuk menunjukkan varians.

Soalan bahagian (a) menghendaki calon memerihalkan pihak yang bertanggungjawab terhadap varians bahan langsung yang memuaskan dan varians buruh langsung yang tidak memuaskan. Kebanyakan calon gagal menjelaskan mengapa varians berlaku dan menyatakan pihak yang bertanggungjawab. Kebanyakan calon menyatakan jabatan yang terlibat dan bukannya orang atau pegawai yang terlibat.

Jawapan (b)(i):

Tempoh bayaran balik Projek A ialah = 5.24 tahun

Tempoh bayaran balik Projek B ialah = 4.67 tahun

Keputusan:

Projek B dipilih kerana tempoh bayar baliknya lebih pendek dan nilai kini bersihnya lebih tinggi.

Soalan 6

Soalan bahagian (a) menghendaki calon menyatakan faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan untuk memberhentikan penjualan sesuatu produk. Kebanyakan calon memberikan faktor kuantitatif seperti kos, untung, dan hasil sebagai jawapan. Calon tidak memahami perbezaan antara istilah kualitatif dengan kuantitatif.

Soalan bahagian (a) menghendaki calon (i) menentukan sama ada satu jabatan yang dinyatakan perlu ditutup atau tidak, (ii) menyediakan satu analisis pengekosan relevan bagi membuat keputusan menutup sesuatu jabatan, dan (iii) membuat keputusan untuk menutup jabatan. Kebanyakan calon gagal menunjukkan penghitungan dan membuat analisis. Calon tidak mengambil kira kos relevan dan belanja operasi dalam membuat keputusan. Calon membuat keputusan dengan hanya merujuk kepada angka margin sumbangan.